



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD. 5 (28)
Tarikh : 26 Februari 2024
Bersamaan : 16 Syaaban 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2024

KADAR YURAN PEMERIKSAAN TESIS BAGI PROGRAM PASCASISWAZAH (STRUKTUR PENYELIDIKAN) SECARA IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE) DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar yuran pemeriksaan tesis bagi program pascasiswazah (struktur penyelidikan) secara ijazah Bersama (joint degree) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kadar sedia ada bagi yuran pemeriksaan tesis Doktor Falsafah (PhD) bagi program Pascasiswazah (Struktur Penyelidikan) adalah RM1,500/USD340 yang mana kadar ini tidak dapat menampung kos bayaran honorarium untuk 4 orang pemeriksa tesis iaitu RM2,400



(RM600 x 4 orang) bagi program secara Ijazah Bersama (Joint Degree) kerana keperluan penambahan seorang pemeriksa dalaman daripada universiti yang bekerjasama bagi program pengajian tersebut.

- 2.2 Kadar yuran pemeriksaan tesis bagi program pascasiswazah (struktur penyelidikan) secara ijazah Bersama (joint degree) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ini telah mendapat perakuan dan kelulusan jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-37 Bil. 1 Tahun 2024 pada 2 Januari 2024; dan
 - b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-64 (Bil. 1 Tahun 2024) pada 22 Februari 2024.

3. YURAN PEMERIKSAAN TESIS BAGI PROGRAM PASCASISWAZAH (STRUKTUR PENYELIDIKAN) SECARA IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE) UMT

kadar yuran pemeriksaan tesis bagi program pascasiswazah (struktur penyelidikan) secara ijazah Bersama (joint degree) adalah seperti berikut:.

Kategori	Kadar	
	RM	USD
Sarjana (Sains & Sains Sosial)	2,000	450
PhD (Sains & Sains Sosial)	3,000	670

Jadual 1: kadar yuran pemeriksaan tesis bagi program pascasiswazah (struktur penyelidikan) secara ijazah Bersama (joint degree)

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai Semester 2 Sesi 2023/2024.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail